

Headline	Hanis tak peduli reputasi Liaoning		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Arena	Page No	67
ArticleSize	245 cm ²	Journalist	Saiful Affendy
PR Value	RM 28,955		



Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@nstp.com.my

Hanis tak peduli reputasi Liaoning

Kuala Lumpur: Penyerang PKS Uniten, Hanis Nadiyah Onn enggan ambil pusing dengan reputasi kelab China, Liaoning Infinite Space HC yang bakal ditemui pada saingan Liga Hoki Wanita hari ini.

Tampil kali pertama beraksi di liga tempatan, Liaoning seakan memberi amaran kepada semua pasukan termasuk PKS Uniten yang juga juara bertahan liga apabila tidak berdepan masalah menewaskan KL Wipers 4-0 pada perlawanan pertama, kelmarin.

Bagaimanapun, Hanis yang turut mempunyai reputasi gah selaku penjarang

terbanyak liga musim lalu berkata, PKS Uniten tetap dengan misi untuk meraih tiga mata penuh.

"Sama ada mereka pasukan dari China atau apa saja kami tetap letak sasaran untuk raih tiga mata.

"Setakat ini kami memang tidak tahu kekuatan mereka. Kami akan mengkaji perlawanan mereka melalui ulang tayang video.

"Tapi berdasarkan keputusan perlawanan pertama, saya rasa mereka juga adalah pasukan yang bagus," katanya ketika dihubungi semalam.

PKS Uniten setakat ini cemerlang apabila menduduki

tangga teratas liga dengan meraih enam mata hasil daripada dua kemenangan.

Pertama ketika menewaskan PSHA-MSSPP 8-0 dan yang kedua menundukkan seteru utama, PDRM Blue Warriors 1-0.

"Kemenangan ke atas PDRM sangat penting kerana mereka antara pesaing utama kami disaingan liga," katanya.

Hanis yang juga penyerang utama skuad kebangsaan berkata, dia meletakkan sasaran untuk membantu pasukan mempertahankan kejuaraan liga, selain meningkatkan reputasi selaku penjarang terbanyak liga.



HANIS (tengah) mahu bantu pasukan meraih tiga mata.